

BAB I

PENDAHULUAN

1. Latar belakang masalah

Negeri Kelantan dari sudut geografi, merupakan sebuah negeri yang paling ke utara dari negeri lain di Pantai Timur Malaysia. Ia terletak di antara garis lintang $4^{\circ}35'$ dan $6^{\circ}15'$ utara dan garis lintang $101^{\circ}22'$ dan $102^{\circ}35'$ timur. Ia bersempadan dengan negeri Perak di sebelah barat yang dipenuhi dengan banjaran dan gunung-gung yang mencapai ketinggian setinggi 6,588 kaki. Banjaran dan gunung-gunung ini menjadi penghalang berlakunya penghijrah dari kawasan-kawasan tersebut.

Ia bersempadan dengan negeri Pahang di bahagian selatan dengan banjaran gunung dan keunikan yang tertinggi iaitu keunikan gunung Tahan. Bahagian timur juga terdapat banjaran gunung yang membagikan antara Kelantan dan Trengganu. Perhubungan dengan Trengganu adalah melalui sepanjang pantai. Bahagian timur laut pula letaknya sungai Golok yang membentuk sempadan dengan Patani, yang di hulunya menjadi sebuah Kerajaan Melayu yang penting, tetapi telah dilemahkan akibat penjajahan Siam. Manakala bahagian utara Kelantan pula terbuka kepada Laut China Selatan.¹

¹ Anker Rentee, History Of Kelantan, Journal Malayan Branch, Vol. XII, Pt. II, 1934, Royal Asiatic Society, n.s. 44.

Luas suatu bumi ialah 5,713 batu persegi, comestara pentuduknya terdiri dari berbagai-bagai bangsa, tetapi majoritinya bertbangsa melayu.²

Di sini akan diterangkan dua pendapat yang menceritakan bagaimana negeri Kelantan memperoleh nama. Sebenarnya terdapat banyak cerita yang mengesahkan tentang asal usul nama " Kelantan ", tetapi penulis hanya akan mengurangkan pendapat yang dianggap sesuai dengan fakta-fakta yang ada.

Anker Rentze mengatakan bahawa Kelantan berasal dari nama " Koli ", iaitu nama sebuah bandar di Utara India. Bandar itu diambil daripada nama pokok Jujube yang terdapat di suatu tempat berhampiran dengan Kapilawastu. Koli berasal dari bahasa dialek yang bermaksud kolam, digabungkan dengan perkataan Tanag yang bermaksud tempat atau negeri. Mungkin juga digabungkan dengan perkataan " op tam " atau " anta " yang bermaksud sempadan. Kombinasi dibuat menjadi " Kolantahan " atau " Kelantan ". Lama kelamaan berlaku pembaharuan sebutan yang menghilangkan nama Kelantan sebagaimana sekarcng.³

Satu pendapat lagi menyebutkan kisah seorang raja dari Pata ni yang mempunyai dua orang putera. Putera sulong dicadangkan oleh baginda untuk memerintah takhta kerajaannya kelak. Manakala baginda

² Muhammad Husin Khal'i Hj. Awang, Kelantan Dari Zaman Ke Zaman, -Peracetakan Syarikat Dian, K. Bharu Kelantan, n.s. 6.

³ Anker Rentze, op.cit, n.s. 44

menghadapi masalah nonikirken tentang nama hadapan puteranya yang bongsu. Suatu hari baginda terlihat suatu cahaya seperti kilat memancar-mancar dari arah tanah bahagian selatan ketika baginda sedang bersiar-siar di tepi Pantai. Baginda amat terpegun dengan kecantikan negeri tersebut dan sering menyebut namanya " Kilatan ". Apabila baginda singgah di Kuala Golok, lalu ditabalkan putera bongsunya sebagai raja. Tempat itu dinamakan " Tabal " yang manjadi ibu negeri Kelantan yang pertama. Negeri Kelantan diberi nama Kilatan sempena kejadian yang disaksikan oleh Raja Patani tersebut.⁴

— Kedua-dua pendapat tersebut mempunyai logiknya yang tersendiri. Namun pendapat yang kedua adalah lebih masukur dan diketahui umum. Penulis juga lebih bersetuju dengan pendapat kedua seandung kan banyak sejarah menerangkan bahawa keturunan raja-raja negeri Kelantan berasal dari keturunan di raja Patani. Bahkan terdapat juga hubungan dari sudut politik, ekonomi dan sosial di antara kedua buah negeri itu.

Negeri Kelantan pernah zengambil alih peranan yang dinainkan oleh Patani sebagai pusat penyebaran dan pendidikan Islam sebelum kejatuhannya di bawah kekuasaan Siam. Penyebaran Islam berlaku di bandar Kota Bharu dan dikunjungi pula ramai para ulama.

Sebelum menjelang abad ke 19, pengaruhkuasaan hukum ayara telah berjalan dengan lancar di Kelantan. Walau bagaimanapun keada-

⁴ Ibid.

an yang harmoni ini tidak berkal lama. Setelah komuniti India British di Kelantan, ia telah mengubah bentuk pentadbiran negeri itu, dengan cara memisahkan antara pentadbiran politik dan agama.

Inggeris mula menduduki Kelantan selepas perjanjian Inggeris dengan Siam pada tahun 1909H hingga tahun 1941H, selepas itu berada bawah pentadbiran tentara Jepun sehingga tahun 1945H. Akhirnya diberi kemerdekaan oleh Inggeris melalui Persekutuan Tanah Melayu pada 31hb. Ogos 1967. Namun kemerdekaan itu berayatkan supaya undang-undang Inggeris tetap dilaksanakan dalam pentadbiran.

Kedudukan negeri Kelantan dilihat dari sudut pentadbirannya adalah berpusat di bandar Kota Bharu sebagai ibu negeri Kelantan. Kelantan suatu masa dahulu pernah diperintah oleh seorang raja Perempuan iaitu Cik Siti Wan Zambang. Memandangkan negeri Kelantan bersesepadan dengan Siam, maka seringkali berlakunya perhijrahah di antara kedua-dua kawasan itu saling merecapi dan banyak perangannya. Banyak kebudayaan dari negara Siam telah diamalkan oleh masyarakat Melayu Kelantan.⁶

Kebudayaan tradisional negeri Kelantan telah bermula sebelum kedatangan pihak Inggeris lagi dan berterusan sehingga ke hari ini. Walaupun bagaimanapun telah berlaku perubahan-perubahan, usaha-

⁶ Mohammad bin Ibrahim, Dikir Barat, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Melayu, Kuala Lumpur, 1971, n.s. 15.

nya di dalam fungsi-fungsinya.⁷ Masyarakat Negeri Kelantan sebagaimana kaya dengan khasanah budayanya dan merupakan gedung kebudayaan Negara Negeri Kelantan.⁸

Berbanding dengan lain-lain negeri di negara ini, Kelantan adalah sebuah negeri yang agak unik budayanya. Permainan tradisional ini bermacam-macam jenisnya dan banyak bilangannya.⁹ Di antaranya terdapat unsur-unsur percampuran dan tekok tambah dalam budaya unpananya banyak pengaruh budaya Hindu dan Islam yang berkembang.¹⁰ Salah satu daripada permainan tradisionalnya yang sangat terkenal ialah Dikir Barat.¹¹

2. Pengertian tajuk dan rujusan masalah

Perbincangan seterusnya, penulis ingin menguraikan tentang pengertian yang terdapat di dalam tajuk kajian ilmiah ini, iaitu

⁷ Hamidah Yaacob, Hiburan Tradisional Kelantan: Mariana Kelantan, Prof. Khoo Kay Kim, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Istana Jahar, Kota Bharu, Kelantan, n.s. 1

⁸ Wan Abdul Kadir, " Bentuk Yang Bobes, Sifat Yang Popular Pada Dikir Barat ", Dewan Budaya, April 1982, jilid 4, Bil.4, Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, n.s. 6.

⁹ Mohammad Fauzi Yunus, Dikir Barat: Satu Tengarapan Awal . Bengkel/Persentuhan Seni Pentas Antara Universiti (13hb. Feb. - 15hb. Feb. 1987), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, n.s. 1.

¹⁰ Hamidah Yaacob, op.cit, n.s. 1

¹¹ Mohammad Fauzi Yunus, op.cit, n.s. 1

" Sejarah Perkembangan Dikir Barat Dan Hubungannya Dengan Nilai-Nilai Islam Di Negeri Kelantan ".

" Sejarah " dapat difahami sebagai jumlah perubahan, kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa dalam kenyataan di sekitar kita cerita tentang perubahan-perubahan tersebut dan ilmu yang menyelidikki perubahan-perubahan tersebut yang terjadi dalam masa yang lampau.¹²

" Perkembangan " pula berasal dari perkataan " keabang ". Di sini ia menerangkan tentang sesuatu yang dikatakan tersebut dan terbentang secara meluas.¹³

Manakala " Dikir Barat " adalah dua patah perkataan iaitu , " Dikir " dan " Barat ". Dikir agak kurang mengelirukan, tetapi barat berlainan dari erti asalnya iaitu arah mata angin.

" Dikir " atau " berdikir " berasal dari perkataan " sikir " dalam bahasa arab bermaksud memuji Tuhan. William P.Malm, pernah mengatakan bahawa dikir itu berasal dari perkataan dsikir yang ber maksud memuji-muji Tuhan dalam satu kumpulan. Dalam pemahaman sufi yang terdapat di negeri Kelantan dan tempat-tempat lain, kegiatan keagamaan yang dipanggil berdsikir atau sikir adalah berhubungan dengan tradisi yang dijalankan secara kiasan (idionia) yang juga

¹² Prof. Imam Barnadib, Arti Dan Metode Sejarah Pendidikan, Yayasan Penerbitan FIP - IKIP, Yogyakarta, n.s. 20.

¹³ Andun Hussain, Kamus Bahasa Malaysia (Edisi Pelajar), Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1974, n.z. 265.

terdapat di Turki.¹⁴

Dalam kasus Devan "dikir" itu berasalna ucapan (doa) untuk memuji-muji Rasul, biasanya dengan cara berlagu. Tetapi pada hari ini, dikir dan sikir bagi orang-orang Kelantan adalah dia ialah yang berbesa.

"Rarat" pula bermakna negeri Siam (Thai) atau daerah-daerah di dalamnya, bukan dimaksudkan kepada negara-negara barat. Timbulnya istilah barat itu kerana ada hubungannya dengan lama penduduk negeri Kelantan dalam konteks mata angin. Mereka menganggap negeri Siam berada di sebelah Barat.

Kalau dilihat di dalam peta, Siam bukanlah berada di sebelah barat Kelantan. Tetapi walaupun begitu, tanggapan penduduk Kelantan itu tidak juga salah, kerana bila mereka pergi ke Siam, mereka menuju ke sebelah barat. Dengan kata lain, tanggapan itu tidak boleh kita lihat dalam konteks ilmu moden, tetapi hendaklah di lihat dalam konteks budaya mereka.¹⁵

"Hubungan" pula merupakan sesuatu perkara yang mempunyai kaitan atau pertalian dengan sesuatu yang lain.

Manakala "Nilai-nilai Islam" pula, penulis cuba mencerangkan dan menterjemahkan tentang keindahan-keindahan yang terdapat di dalam agama Islam sebagai satu agama yang benar serta batasan-batasan yang telah dihadkan ke atas penganut-penganutnya.

¹⁴ Muhammad Ibrahim, op.cit, m.s. 17.

¹⁵ Mohammad Fausi Yunus, op.cit, m.s 1.

Secara keseluruhannya dapat digyatkan daripada judul kajian ini, penulis ingin menerangkan tentang sejarah bermulaanya permainan Dikir Barat di negeri Kelantan, sebagai salah satu dari warisan budaya negeri dan penulis cuba untuk menghubungkan permainan tradisional itu menurut pandangan agama Islam, sebagai agama yang cintakan kesenian. Penulis cuba melihat dari beberapa aspek, apakah permainan tradisional negeri Kelantan itu bertentangan dengan nilai-nilai Islam atau pun tidak.

Berdasarkan kepada pengertian terhadap tajuk kajian iyi, disini penulis dapat membantah beberapa perumusan masalah terhadap objek yang menjadi kajian dalam penulisan ini, iaitu:

1. Bagaimanakah sejarah permainan Dikir Barat telah bermula di negeri Kelantan.
2. Bagaimanakah bentuk-bentuk permainan Dikir Barat ini. Adakah iaanya bertepatan dengan kesenian Islam dari segi corek permainannya, jenis-jenis lagi ataupun temanya dan juga matlamat permainan Dikir Barat itu sendiri.
3. Bagaimanakah pandangan Islam tentang permainan Dikir Barat ini apabila ditinjau dari semua aspek.

3. Tujuan penyelidikan

Untuk melahirkan sebuah kajian yang benar-benar berkesan, penulis ingin menerangkan tentang tujuan sebenar penyelidikan ini dijalankan. Lantaran tanpa tujuan ataupun matlamat, hasil kajian

tidak akan berjalan dengan lancar. Antara tujuan-tujuan penyelidikan itu ialah:

1. Untuk mengkaji tentang bagaimanakah permainan-permainan tradisional di negeri Kelantan ini mula-mula muncul dan berkembang ke serata negeri khususnya permainan Dikir Barat.
2. Untuk mengkaji sejauhmanakah nilai-nilai kesenian yang terdapat di dalam permainan Dikir Barat.
3. Untuk mengetahui jenis-jenis Dikir Barat yang terdapat di negeri Kelantan dan apakah perbezaan-perbezaan yang wajud di antara satu sama lain. Serta untuk membandingkan di antara Dikir Barat yang ada sekarang dengan Dikir Barat yang lahir di masa-masa yang lalu.
4. Untuk mengetahui apakah permainan Dikir Barat ini sanggung dungi nilai-nilai kesenian yang terdapat di dalam Islam.
5. Untuk membentangkan langkah-langkah yang patut diambil di dalam proses pengubahsuaian Dikir Barat menjadi satu permainan yang lebih bertepatan dengan ciri-ciri keislaman.
6. Untuk membuka jalan kepada para penyelidik dan peninjau kajian kebudayaan, khususnya kebudayaan tradisional bagi meneruskan lagi kajian terhadap lain-lain permainan tradisional yang terdapat di seluruh negara, iaitu dengan menfokuskan kajian mereka kepada kesenian yang mempunyai ciri-ciri keislaman.

4. Metodologi

Metodologi yang dibincangkan di dalam penulisan ini adalah, menggunakan metod pengumpulan data dan metod analisis data.

A. Metod pengumpulan data

Dalam usaha untuk mendapatkan data dan fakta, penulis menggunakan metod pengumpulan data seperti;

a) Metod persejarahan

Iaitu cara penyelidikan yang mengaplikasikan pencatatan yang ilmiah dari perspektif persejarahan tentang masalah yang dibahaskan di dalam hasil kajian ini. Untuk mendapatkan fakta dan data bagi objek yang dikaji penulis telah membuat kajian di beberapa buah peryataan dan mengumpulkan sebanyak mungkin maklumat tersebut.

b) Metod dokumen

Iaitu cara pengumpulan data yang menggunakan dokumen yang berhubungan dengan masalah yang dibahaskan di dalam hasil kajian ini.

c) Metod interview

Iaitu cara pengumpulan data yang dilakukan melalui interview dengan beberapa orang budayawan, para ilmuwan dan beberapa orang yang dapat memberi maklumat-maklumat yang ada kaitannya dengan penyelidikan tersebut.

d) Metod observasi

Iaitu satu cara pengumpulan data dengan pengamatan se-

cara langsung terhadap subjek penelitian, iaitu penulis memerhatikan perkara-perkara yang berhubung dengan objek yang dikaji dengan cara penulis mengunjungi tempat-tempat tersebut dan melalui pengamatan terperinci serta mencatatkan hasil dari pengamatan itu.

B) Metod analisis data

Dalam menganalisis data, penulis menggunakan metod Analisis Diskriptif Kualitatif, yang secara nyata menggunakan metod-metod berikut;

a) Metod induktif

Iaitu cara menarik kesimpulan dari beberapa data yang dianalisa yang sifatnya khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum.

b) Metod deduktif

Iaitu cara membuat kesimpulan yang berpangkal dari dalil-dalil yang bersifat umum untuk dijadikan dasar mencari kesimpulan yang bersifat khusus.

c) Metod komparatif

Iaitu cara membuat kesimpilan dengan melakukan perbandingan terhadap segala data dan fakta yang diperolehi.

Huraian-huraian tentang metodologi, procedure dan cara penggunaan akan dibicarakan secukupnya di dalam bab III, Metodologi.

5. Sistematika penulisan

Secara umumnya, penulisan ini disusun secara sistematika ini itu dari bab ke bab, kajian ini dapat dibahagikan kepada lima bab.

Bab pertama, Pendahuluan, membentangkan tentang latar belakang masalah iaitu negeri Kelantan dilihat dari segi kedudukannya, dan sebagai pusat kebudayaan. Selain dari itu, penulis juga menerangkan tentang pengertian tajuk, metodologi yang digunakan di dalam penulisan ini, tujuan penyelidikan dan sistematika penulisan .

Bab kedua, Landasan Teori, yang merangkumi di dalamnya pengertian kesenian Islam dan seni, pandangan Islam tentang kesenian , batas-batas kesenian di dalam Islam dan ciri-ciri kesenian menurut pandangan Islam.

Bab ketiga, Metodologi, menerangkan secara lebih mendalam , berbanding dengan metodologi di dalam bab pertama. Metodologi ini merangkumi metod pengumpulan data dan metod analisis data. Penulis menggunakan beberapa kaedah penulisan metod di dalam bab ini.

Bab keempat, Laporan Penyelidikan Dan Analisis Data. Bab ini merupakan kesuncak perbincangan di dalam penulisan kajian ini. Penulis cuba membentangkan setiap persoalan yang ditimbulkan, sebagaimana yang dirumuskan di dalam rumusan masalah.

Bab kelima, Kesimpulan Dan Rumusan, merupakan penutup bagi penulisan kajian ini. Di sini penulis membuat beberapa kesimpulan kepada data-data yang telah dianalisa di dalam bab-bab yang lalu , dan membuat beberapa saranan untuk mengakhiri penulisan ini.